

**KAJIAN TERHADAP PENGURUSAN KESELAMATAN PEKERJA
DI PERBADANAN STADIUM HANG JEBAT**
A Study on Workplace Safety Management at Stadium Hang Jebat

¹ZULKIFLY BIN TAMBY OMAR
²WIRDATI MOHD RADZI

¹Pusat Sukan, Universiti Malaya, Jalan Universiti, 50603 Kuala Lumpur
¹zul8284@gmail.com, ²irdati@um.edu.my

Dihantar: 13 September 2018 / Diterima: 3 November 2018

Abstrak Penekanan terhadap kepentingan keselamatan yang berkesan adalah amat penting untuk kecemerlangan sesebuah organisasi (Overheul, 2001). Pelbagai faktor luaran dan dalaman organisasi yang sering kali berubah mendorong pihak organisasi agar peka dengan ancaman persekitaran. Di tempat kerja, kajian tentang isu keselamatan pekerja menjadi satu perbincangan yang serius dari semasa ke semasa (Cox & Cheyne, 2000). Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti tahap keselamatan pekerja, faktor dominan yang mempengaruhi pekerja untuk mengabaikan keselamatan dan tahap kesediaan organisasi terhadap sebarang kejadian kemalangan. Kajian ini melibatkan 70 orang responden yang bertugas di bawah Perbadanan Stadium Hang Jebat, Melaka. Bagi memperoleh data kajian, kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik telah diedarkan kepada responden. Data dianalisis menggunakan program *IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) statistic* versi 24. Kaedah analisis berbentuk deskriptif seperti kekerapan, peratusan dan min digunakan bagi menjawab objektif kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap keselamatan di lokasi kajian adalah memuaskan kerana kempen dan aktiviti yang berkaitan dengan keselamatan sentiasa dilaksanakan. Sementara itu, tahap kesediaan organisasi dalam menghadapi kemalangan di tempat kerja berada pada tahap yang baik kerana penggubalan polisi keselamatan berkait rapat dengan suasana kerja. Cuaca panas yang melampau dikenal pasti sebagai salah satu faktor yang menyebabkan para pekerja mengabaikan aspek keselamatan di tempat kerja.

Kata kunci: Keselamatan, tempat kerja, pengurusan, pekerja, amalan.

Abstract *Emphasizing on effective workplace safety is crucial for organizational excellence (Overheul, 2001). Changes in external and internal factors encourage the organization to be aware of environmental threats. In the workplace, studies on employee safety become a serious discussion across the world (Cox & Cheyne, 2000). Hence, this study is conducted to identify the level of employee's safety, the dominant factors affecting employees to neglect the safety and the level of organizational readiness against any incidents. This study involved 70 respondents who were under the Stadium Hang Jebat Corporation, Melaka. A questionnaire was distributed to respondents to obtain the data. The data was analysed using the Statistical Package For Social Science (SPSS) Statistic version 24. Descriptive analysis methods such as frequency, percentage and mean were used to answer the objective of the study. The results showed that the safety level was satisfactory and the readiness of the organization to deal with workplace accidents was at a good level. Extreme hot weather has been identified as one of the factors that causes workers to ignore safety at workplace.*

Keywords: *Safety, workplace, management, workers, practice.*

PENGENALAN

Sebuah terma yang dikenali sebagai keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) diwujudkan bagi memastikan wujudnya perlindungan ke atas pekerja. Dalam sesebuah organisasi, antara perkara yang paling dititikberatkan adalah keselamatan tempat kerja (Christian *et al.*, 2009). Bagi merealisasikan perkara ini, Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah yang wajar bagi menjaga kebajikan para pekerja dengan menubuhkan sebuah akta yang dikenali sebagai Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) pada 25 Februari 1994 (Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia). Akta ini dikawal selia dan diuruskan sepenuhnya oleh Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan di bawah Kementerian Sumber Manusia, Malaysia.

Pelbagai kebaikan dapat dilihat sekiranya pihak organisasi melaksanakan amalan keselamatan di tempat kerja (Clark, 2006). Hal ini turut diperkatakan oleh Datuk Abdul Rahman Bakar, bekas Timbalan Menteri Sumber Manusia, iaitu kadar kemalangan industri yang rendah di persekitaran kerja memberi isyarat bahawa syarikat bersedia menghadapi saingan yang lebih kompetitif di peringkat antarabangsa dan seterusnya ini dapat menambahkan kepercayaan pelabur dari luar negara (*Berita Harian*, 2004). Justeru, dapat dilihat tahap kesedaran majikan berhubung isu keselamatan dan kebajikan semakin meningkat. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan pekerja sentiasa berada dalam keadaan selamat dan sihat semasa berada di tempat kerja dan ketika melaksanakan tugasan yang diberikan.

Namun, terdapat keburukan sekiranya pihak organisasi tidak memandang serius akan kepentingan keselamatan di tempat kerja (Neal *et al.*, 2006). Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, jumlah kecederaan maut pekerja pembinaan menunjukkan peningkatan sejak tahun 2012, dan seramai 140 pekerja pembinaan telah maut pada tahun 2015, iaitu kadar tertinggi yang dicatatkan sejak 2001 dan tertinggi pada abad ke-21. Perangkaan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour of Organisation*, ILO) pula menunjukkan bahawa 100,00 kematian berkaitan kerja berlaku setiap bulan, iaitu lebih 3,000 kes setiap hari dan secara puratanya dua kematian setiap minit (*Utusan Malaysia*, 2002). Maka, menjadi tanggungjawab majikan di bawah Akta KKP 1994 untuk memastikan dan mengambil berat berkenaan isu kesihatan dan keselamatan kesemua pekerja semasa sedang melakukan proses sesuatu kerja.

Memandangkan isu keselamatan di tempat kerja bukanlah sebuah isu baharu, terdapat beberapa faktor yang telah dikenal pasti sebagai menyumbang kepada kekerapan berlakunya kemalangan di kawasan tempat kerja. Antaranya adalah kerana pihak majikan hanya mementingkan aspek pengeluaran dan mereka menganggap proses pencegahan keselamatan hanya merugikan pihak syarikat dan ini adalah nilai tambah dari segi belanjawan kepada organisasi (*Berita Harian*, 2004). Menurut Kourniotis *et al.* (2001), kegagalan mesin berfungsi dengan baik dan selamat merupakan salah satu punca yang sering dilaporkan berlaku dan faktor lain adalah kerana kesilapan manusia itu sendiri.

Daripada kajian literatur menunjukkan bahawa aspek keselamatan bukan sahaja dapat memberi kesan kepada individu, malahan terhadap perkembangan organisasi.

PERNYATAAN MASALAH

Aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan perlu diberikan tumpuan khusus oleh organisasi kerana kedua-dua aspek ini melibatkan kos langsung dan juga kos tidak langsung (Ivancevich, 2001). Kos langsung adalah seperti kos cuti sakit, kos pembayaran terhadap ketidakmampuan melakukan pekerjaan, kos penggantian terhadap pekerja yang mati atau cedera akibat kemalangan pekerjaan dan pembayaran pampasan kepada pekerja. Contoh kos tidak langsung pula adalah penurunan kadar produktiviti organisasi. Kemalangan, kecederaan dan penderitaan yang dialami oleh pekerja bukan sahaja memberi kesan kepada pekerja tersebut, malah kesannya turut dirasakan oleh majikan mereka (Ivancevich, 2001). Oleh itu, sesebuah organisasi yang berorientasikan kos hendaklah mengakui betapa perlunya mengawal isu kemalangan dan kesihatan pekerja untuk mengelakkan berlakunya kemalangan dan gangguan terhadap kesihatan pekerja.

Isu keselamatan dan kesihatan bukan sahaja berlaku dalam industri-industri yang bersifat komersial, malah berlaku dalam pentadbiran sesebuah arena sukan seperti di Perbadanan Stadium Hang Jebat. Stadium ini terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengendalian jentera dan bahan kimia berisiko. Kebanyakan lokasi yang dikendalikan di bawah pengawasan Perbadanan Stadium Hang Jebat berpotensi untuk menyebabkan kecederaan atau kemalangan kepada penggunaannya jika tidak dikendalikan dengan baik dan mengikut peraturan sebagaimana yang telah ditetapkan.

Bahagian ini telah membincangkan beberapa kesan terhadap pekerja sekiranya pihak organisasi gagal melaksanakan dasar keselamatan. Maka, kajian ini akan meninjau isu keselamatan di stadium.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengkaji tahap keselamatan pekerja di tempat kerja.
2. Mengkaji tahap kesediaan organisasi terhadap sebarang kejadian yang melibatkan kesihatan dan keselamatan pekerja di tempat kerja.
3. Mengkaji faktor dominan yang mempengaruhi pekerja untuk mengabaikan aspek keselamatan.

Persoalan Kajian

Soalan kajian ini merangkumi:

1. Apakah tahap keselamatan pekerja di tempat kerja?
2. Apakah tahap kesediaan organisasi terhadap sebarang kejadian yang melibatkan kesihatan dan keselamatan pekerja di tempat kerja?
3. Apakah faktor dominan yang mempengaruhi pekerja untuk mengabaikan aspek keselamatan?

KAJIAN LITERATUR

Kajian yang dilakukan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) (2000) yang bertujuan untuk mengukur tahap keselamatan berdasarkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang dan 1967 telah dijalankan secara rawak ke atas 42 tapak pembinaan dan perindustrian di Johor. Kajian ini mendapati bahawa 55 peratus berada pada kategori memuaskan. Jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan sangat diperlukan untuk memastikan wujud kemajuan berterusan dalam menangani isu keselamatan pekerjaan dengan membuat kajian dan penelitian terhadap tahap keselamatan dan keselamatan pekerjaan.

Terdapat banyak kajian tentang isu keselamatan di tempat kerja di serata dunia, antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Harper dan Koehn (1998). Kajian telah dijalankan ke atas pengurusan keselamatan tapak bina di Southeast, Texas. Dapatan menunjukkan bahawa kemalangan sama ada melibatkan kecederaan atau kematian dalam industri pembinaan dapat dikawal dengan mengadakan program pengurusan keselamatan yang efektif. Program keselamatan mementingkan kepada pengoperasian kerja yang selamat, kesedaran pekerja terhadap bahaya dan risiko, penglibatan pekerja secara langsung dalam isu keselamatan, penyiasatan yang kerap, persekitaran keselamatan tapak bina dan perlindungan diri.

Sementara itu, kajian yang dilakukan oleh Pierce (1998) pula mendapati bahawa majikan perlu mengutamakan keselamatan dalam sesebuah organisasi. Antara hasil cadangan kajian tersebut ialah mewujudkan jawatankuasa keselamatan yang terdiri daripada pekerja-pekerja dan wakil majikan diperlukan untuk memperbaiki dan menyedarkan pekerja tentang program keselamatan, penyelesaian masalah serta memfokus kepada pelaksanaan aktiviti keselamatan. Penyertaan yang lebih diberikan kepada pihak pekerja berbanding pihak pengurusan. Antara skop tugas jawatankuasa ini ialah memeriksa kawasan, mengkoordinasikan usaha keselamatan, latihan pekerja, komunikasi dan memimpin kumpulan kerja keselamatan. Cadangan penubuhan jawatankuasa dalam kalangan pekerja adalah amat baik kerana pekerja lebih terdedah kepada ancaman bahaya di tempat kerja (Flin *et al.*, 2000) dan lebih arif tentang proses rutin harian mereka.

Dalam pada itu, Flynn (1994) dalam laporannya untuk program keselamatan pekerja di St. Supery Winery yang bertajuk “Company Strives for Yawn-Safety Awareness” mendapati bahawa penglibatan aktif pekerja dalam aktiviti keselamatan dan kesihatan telah berjaya membentuk jawatankuasa keselamatan dengan ahli yang terdiri daripada wakil semua jabatan. Jawatankuasa ini menggunakan cara yang kreatif untuk memupuk kesedaran keselamatan pekerja kerana jawatankuasa memahami bahawa keselamatan bukanlah suatu perkara yang menarik dan menyeronokkan kerana kebanyakan program keselamatan dikendalikan dalam suasana yang terikat dengan fakta-fakta yang berat. Maka, syarikat ini cuba mengubah cara dengan memastikan semua orang melibatkan diri dan merasakan

keseronokan dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti berhubung dengan keselamatan pekerjaan.

Selain itu, Ramlan (1997) dalam kajiannya yang bertajuk “Latihan dalam Bidang Keselamatan dan Kesan Terhadap Kesedaran Keselamatan Pekerjaan” mendapati pihak organisasi yang selalu menyebarkan dasar dan peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada pekerja secara kerap boleh menimbulkan kesedaran keselamatan pekerjaan kepada mereka. Pekerja yang mempunyai tahap kesedaran keselamatan yang rendah lebih cenderung menerima risiko kemalangan di tempat kerja adalah hasil kajian yang diperoleh beliau dalam kajiannya. Penguatkuasaan pakaian keselamatan seperti kasut keselamatan, pelindung mata, topi keselamatan, sarung tangan hendaklah dijadikan amalan untuk menimbulkan kesedaran keselamatan.

Daripada kajian lepas yang dibincangkan, didapati terdapat dua kaedah yang digunakan dalam aspek keselamatan iaitu penubuhan jawatankuasa dan program kesedaran keselamatan. Namun, hanya sedikit kajian yang menyentuh tentang faktor yang menyebabkan pekerja mengabaikan aspek keselamatan. Sebagai tambahan, kebanyakan kajian keselamatan hanya dijalankan di sektor pembinaan berbanding stadium sukan. Justeru, kajian ini memberi penumpuan tentang keselamatan pekerja dan faktor yang boleh menyebabkan kemalangan di stadium sukan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Kaedah survei telah digunakan bagi mengumpul data yang dikehendaki. Populasi kajian terdiri daripada pekerja-pekerja di bawah Perbadanan Stadium Hang Jebat. Terdapat enam buah *venue* sukan yang berada di bawah penyeliaan Perbadanan Stadium Hang Jebat dengan mempunyai keseluruhan pekerja seramai 70 orang. Oleh hal yang demikian, kesemua 70 orang responden yang berkhidmat di bawah Perbadanan Stadium Hang Jebat terlibat dalam kajian ini. Kawasan kajian meliputi semua *venue* sukan yang berada di bawah pentadbiran Perbadanan Stadium Hang Jebat. Borang soal selidik telah digunakan untuk mengumpul data kajian. Terdapat empat bahagian

dalam borang soal selidik itu Bahagian A: Demografi, Bahagian B: Tahap keselamatan pekerja (14 item), Bahagian C: Tahap kesediaan organisasi dalam menghadapi kemalangan di tempat kerja (13 item) dan Bahagian D: Faktor dominan yang mempengaruhi pekerja untuk mengabaikan keselamatan di tempat kerja (7 item). Item soalan yang diberi adalah dalam bentuk ayat penyata dan disusuli dengan pilihan tahap persetujuan responden terhadap pernyataan yang dikemukakan. Skala pilihan bermula daripada tahap Sangat Tidak Setuju (STS) kepada tahap Sangat Setuju (SS). Pilihan jawapan oleh responden kemudiannya dikira dan dianalisis melalui jumlah bilangan responden yang memilih sesuatu tahap kepuasan dan juga peratus responden yang memilih sesuatu tahap kepuasan terhadap pernyataan yang diberikan kepada mereka. Data kajian dianalisis menggunakan *IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 24* berdasarkan deskriptif seperti kekerapan, peratus dan min untuk setiap objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN

Profil Demografi Responden

Profil demografi responden yang telah dijalankan ke atas 70 orang pekerja Perbadanan Stadium Hang Jebat dihuraikan secara terperinci dalam Jadual 1. Analisis menunjukkan bilangan umur yang paling tinggi adalah seramai 57 orang responden (81.4 peratus) tergolong dalam lingkungan umur 21–30 tahun, manakala seramai enam orang responden (8.6 peratus), lima orang responden (7.1 peratus), dua orang responden (2.9 peratus), masing-masing tergolong dalam lingkungan umur bawah 20 tahun, 31 hingga 40 tahun dan 41 hingga 50 tahun.

Seterusnya, bagi taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina, didapati bahawa seramai 13 orang responden (18.6 peratus) adalah perempuan dan 57 orang responden (81.4 peratus) merupakan lelaki. Justeru, majoriti responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada jantina lelaki.

Bagi kekerapan akademik, seramai 48 orang responden (68.6 peratus) berkelulusan Sekolah Menengah dan seramai 13 orang responden

(18.6 peratus) merupakan pemegang sijil diploma, manakala empat orang responden (7.1 peratus) dan lima orang responden (5.7 peratus) masing-masing berkelulusan sekolah rendah dan ijazah sarjana muda. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden berkelulusan Sekolah Menengah.

Seterusnya, berdasarkan kumpulan jawatan, 54 orang responden (77.1 peratus) terdiri daripada kumpulan jawatan sokongan Gred 1–16. Seterusnya bagi kumpulan jawatan pengurusan dan profesional (Gred 41–54) dan kumpulan jawatan sokongan (Gred 17–36) masing-masing, seramai lapan orang responden (11.4 peratus). Majoriti responden berada dalam kumpulan jawatan sokongan, Gred 1–16.

Bagi perkara taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut tempoh berkhidmat pula didapati seramai 60 orang responden (85.7 peratus) telah berkhidmat lebih daripada 6–10 tahun dan selebihnya sembilan orang responden (12.9 peratus) dan seorang responden (1.4 peratus) masing-masing telah berkhidmat kurang dari lima tahun dan 16 tahun ke atas.

Jadual 1 Demografi responden

	Kekerapan	Peratusan
<i>Umur</i>		
bawah 20 tahun	6	8.6
21–30 tahun	57	81.4
31–40 tahun	5	7.1
41–50 tahun	2	2.9
<i>Jantina</i>		
Perempuan	13	18.6
Lelaki	57	81.4
<i>Pendidikan</i>		
Sekolah Rendah	5	7.1
Sekolah Menengah	48	68.6
Diploma	13	18.6
Ijazah Sarjana Muda	4	5.7

<i>Kumpulan Jawatan</i>		
Pengurusan dan Profesional (Gred 4–54)	8	11.4
Sokongan (Gred 17–36)	8	11.4
Sokongan (Gred 1–16)	54	77.1
<i>Tempoh Perkhidmatan</i>		
Kurang dari 5 tahun	9	12.9
6–10 tahun	60	85.7
16 tahun dan ke atas	1	1.4

Analisis deskriptif seperti peratusan, min dan sisihan piawai (SP) digunakan untuk menentukan tahap keselamatan, tahap kesediaan organisasi dan faktor dominan yang mempengaruhi pekerja untuk mengabaikan keselamatan.

Tahap keselamatan pekerja

Jadual 2 menunjukkan bahawa tahap keselamatan di lokasi sukan di bawah Perbadanan Stadium Hang Jebat berada pada tahap yang memuaskan. Kajian yang dijalankan oleh Panagiotis dan Panteleimon (2016) mendapati keselamatan stadium yang baik amat penting untuk kepuasan penonton. Hasil analisis juga menunjukkan ítem kempen keselamatan sering dijalankan dan mencukupi mempunyai min tertinggi (min=5.16 dan sp=1.60). Hal ini selari dengan dapatan kajian oleh Emile *et al.*, (2016) yang mendapati bahawa kesedaran tentang keselamatan di tempat kerja dapat mengurangkan kadar kemalangan. Seterusnya, ítem papan tanda dapat dilihat dengan jelas juga mempunyai min yang tinggi (min=5.10 dan sp=2.02). Ítem latihan keselamatan hanya dijalankan untuk pekerja tetap dan bukan pekerja kontrak pula mempunyai min yang agak rendah kerana seramai 22 orang responden agak tidak bersetuju dengan kenyataan ini (min=3.98 dan sp=1.32). Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan para pekerja di lokasi kajian merasakan bahawa tahap pelaksanaan keselamatan yang wujud di tempat kerja mereka berada pada tahap yang memuaskan.

Jadual 2 Item tahap keselamatan

Bil.	Item	Min	Sisihan piawai
1	Latihan keselamatan hanya untuk pekerja tetap sahaja dan bukan untuk pekerja kontrak	3.98	1.32
2	Papan tanda keselamatan di organisasi anda mudah dilihat dan difahami	5.10	2.02
3	Kempen keselamatan dalam organisasi sering dijalankan dan mencukupi	5.16	1.60

Tahap kesediaan organisasi terhadap isu keselamatan pekerja

Analisis yang dijalankan menunjukkan tahap kesediaan organisasi yang menjadi subjek kajian pada kali ini berada pada tahap yang memuaskan. Perkara ini dibuktikan melalui jawapan terhadap item soalan “organisasi saya mempunyai polisi keselamatannya sendiri”, mempunyai min yang tinggi iaitu 5.34 dalam Jadual 3. Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang membuktikan bahawa cara pelaksanaan polisi keselamatan seperti komunikasi tentang keselamatan, pelaburan kewangan dan sumber-sumber lain harus diperkukuhkan supaya pekerja senantiasa berwaspada (Zhang *et al.*, 2015). Item soalan seterusnya yang diguna pakai bagi mengukur tahap kesediaan organisasi turut menunjukkan skor min yang tinggi iaitu 5.15, iaitu seramai 20 responden (28.6 peratus) sangat bersetuju bahawa peraturan keselamatan dan kesihatan organisasi diterangkan kepada mereka dengan jelas. Item soalan program latihan keselamatan dan kesihatan yang diadakan organisasi berkait rapat dengan keperluan keselamatan di tempat kerja turut mempunyai skor min yang berada pada tahap tinggi, iaitu 5.21 dan dipersetujui oleh majoriti responden, iaitu seramai 23 orang atau 32.9 peratus yang sangat bersetuju. Pendedahan latihan kepada pekerja merupakan satu langkah yang proaktif supaya para pekerja dapat mempelajari bagaimana melindungi diri mereka daripada terdedah kepada bahaya (Andrea *et al.*, 2016). Namun begitu, analisis terhadap item soalan peluang dalam memberi idea dalam program keselamatan dan kesihatan organisasi mempunyai skor min yang agak rendah, iaitu 3.65 kerana 18 orang responden (25.7 peratus) agak tidak bersetuju dengan kenyataan yang terkandung dalam item soalan tersebut. Bermakna organisasi telah mempunyai satu set dasar keselamatan yang lengkap terhadap pekerja-pekerjanya.

Jadual 3 Item tahap kesediaan

Bil.	Item	Min	Sisihan piawai
1	Organisasi saya mempunyai polisi keselamatannya sendiri	5.34	1.72
2	Peraturan keselamatan dan kesihatan organisasi ini diterangkan kepada saya dengan jelas.	5.15	1.82
3	Saya mempunyai peluang untuk memberi idea dalam program keselamatan dan kesihatan organisasi saya	3.65	1.58
4	Program latihan keselamatan dan kesihatan yang diadakan organisasi saya berkait rapat dengan keperluan keselamatan saya di tempat kerja	5.21	1.81

Faktor dominan pekerja mengabaikan aspek keselamatan

Jadual 4 menunjukkan hasil analisis deskriptif yang telah dijalankan bagi menjawab persoalan kajian berkaitan faktor-faktor yang menyebabkan pekerja mengabaikan aspek keselamatan. Masalah komunikasi antara pekerja dan pihak atasan mempunyai skor min yang tinggi, iaitu 5.15 di mana seramai 21 (30 peratus) responden agak setuju dan 15 (21.4 peratus) responden sangat setuju terhadap kenyataan ini. Komunikasi merupakan satu cabaran bagi mencapai pelaksanaan kesedaran tentang keselamatan (Fidele *et al.*, 2015). Pihak pengurusan tertinggi memainkan peranan yang sangat penting dalam menyampaikan hasrat organisasi kepada pekerja (Robbins, 2010). Terdapat pelbagai pendekatan yang boleh digunakan oleh pihak pengurusan untuk menjayakan aspek keselamatan di tempat kerja. Selain itu, item kepelbagaian lokasi arena sukan yang menyumbang kepada ketidakseragaman pelaksanaan keselamatan turut mempunyai skor min yang berada pada tahap tinggi iaitu 5.04. Hal ini diperkukuhkan lagi melalui analisis terhadap item kepelbagaian undang-undang keselamatan mengakibatkan kelemahan pelaksanaan keselamatan yang juga mempunyai skor min 5.15 yang berada pada tahap tinggi. Seterusnya, seramai 19 (27.1 peratus) responden bersetuju bahawa jadual kerja yang padat menyebabkan pelaksanaan keselamatan sering diabaikan. Item ini mempunyai skor min 5.04 yang diinterpretasikan sebagai berada pada tahap tinggi. Hasil analisis deskriptif terhadap item pelaksanaan keselamatan akan terjejas dengan keadaan cuaca yang melampau memberikan skor min yang tinggi iaitu

4.84. Majoriti responden iaitu seramai 18 orang (25.7 peratus) sangat setuju dengan kenyataan ini. Skor min yang tinggi iaitu 5.15 turut dilihat pada item soalan keadaan cuaca yang melampau misalnya cuaca panas mempengaruhi pekerja untuk tidak mengenakan peralatan keselamatan.

Jadual 4 Item faktor dominan

Bil.	Item	Min	Sisihan piawai
1	Masalah komunikasi di antara pekerja dan pihak atasan adalah penyumbang kepada kurangnya pelaksanaan keselamatan dalam organisasi	5.15	1.60
2	Kepelbagaian lokasi arena sukan menyumbang kepada ketidakseragaman pelaksanaan keselamatan di pihak pengurusan	5.04	1.62
3	Kepelbagaian undang-undang keselamatan mengakibatkan kelemahan pelaksanaan keselamatan	5.15	1.60
4	Jadual kerja yang padat menyebabkan pelaksanaan keselamatan sering diabaikan	5.04	1.79
5	Pelaksanaan keselamatan akan terjejas dengan keadaan cuaca yang melampau (misalnya cuaca panas)	4.84	1.99
6	Keadaan cuaca yang melampau (misalnya cuaca panas) mempengaruhi pekerja untuk tidak mengenakan peralatan keselamatan	5.15	1.59

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keselamatan dalam kalangan pekerja yang bertugas di bawah Perbadanan Stadium Hang Jebat adalah tinggi. Kesediaan organisasi juga berada pada tahap yang tinggi melalui penglibatan aktif pihak pengurusan dalam memastikan latihan kecemasan diberikan adalah mencukupi dan polisi keselamatan di tempat kerja dapat dilihat dengan jelas. Dapatan juga menunjukkan bahawa ketidakseragaman dalam polisi keselamatan serta

keadaan cuaca panas melampau boleh mengakibatkan tahap keselamatan di tempat kerja berkurangan. Mengenal pasti cabaran pelaksanaan agenda keselamatan harus diterokai dan dipantau dari semasa ke semasa (Mathew & Ivo, 2015). Perubahan daripada persekitaran dalaman dan luaran menggalakkan organisasi untuk memperbaiki atau mempertingkatkan lagi polisi keselamatan yang sedia ada.

Tahap keselamatan semasa pekerja di kawasan kajian

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden berpendapat bahawa tempat kerja mereka mempunyai tahap keselamatan yang memuaskan. Walaupun begitu, skop kajian pada kali ini melibatkan pekerja di Perbadanan Stadium Hang Jebat sahaja, iaitu sebuah lokasi sukan. Justeru, tahap keselamatan yang dilihat di Perbadanan Stadium Hang Jebat melalui kajian ini tidak sesuai diambil sebagai penanda aras bagi menggambarkan tahap keselamatan di stadium lain.

Tahap kesediaan organisasi terhadap isu keselamatan pekerja

Analisis yang telah dijalankan ke atas data-data yang diperolehi menunjukkan tahap kesediaan Perbadanan Stadium Hang Jebat terhadap isu keselamatan pekerja berada pada tahap yang agak tinggi. Hal ini membuktikan komitmen dan usaha yang diambil oleh pihak majikan dalam memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat. Dalam konteks kajian yang telah dilakukan pada kali ini, persepsi responden terhadap sikap pihak atasan tentang kesihatan dan keselamatan pekerja juga telah diambil kira sebagai salah satu pengukur tahap kesediaan organisasi kajian dalam menghadapi kemalangan di tempat kerja. Rata-rata responden bersetuju bahawa pihak atasan menunjukkan komitmen yang tinggi dan minat yang mendalam terhadap aspek keselamatan para pekerja serta tidak mengambil mudah terhadap perkara ini. Namun, ada juga sekumpulan minoriti responden yang tidak bersetuju dan merasakan bahawa pihak atasan menyerahkan tanggungjawab tentang keselamatan pekerja kepada pihak pengurusan di peringkat pertengahan. Sememangnya, dapatan kajian ini bergantung pada penilaian individu, justeru pandangan yang diberikan tentulah pelbagai. Namun, untuk mendapatkan gambaran yang tepat tentang sesuatu keadaan itu, peratusan yang kecil juga harus diberi perhatian yang sewajarnya.

Faktor utama yang mempengaruhi pekerja untuk mengabaikan aspek keselamatan

Dapatan kajian menunjukkan para pekerja di Stadium Hang Jebat memberikan respons positif terhadap soalan yang diajukan berkaitan dengan polisi serta pelaksanaan keselamatan di tempat kerja mereka. Rata-rata responden bersetuju bahawa papan tanda keselamatan di tempat kerja mereka mudah difahami dan kempen keselamatan yang dijalankan dalam organisasi adalah mencukupi. Begitu juga halnya dengan penerangan yang diberikan kepada mereka tentang peraturan keselamatan di tempat kerja. Namun begitu, terdapat juga peratusan responden yang menyuarakan ketidakpuasan terhadap polisi dan pelaksanaan yang wujud di tempat kerja mereka sekarang ini. Hal ini dapat dilihat melalui maklum balas segelintir responden yang bersetuju bahawa kepelbagaian lokasi arena sukan dan undang-undang keselamatan menyumbang kepada ketidakseragaman pelaksanaan keselamatan di pihak pengurusan. Selain itu, segelintir besar responden turut bersetuju bahawa jadual kerja yang padat dan keadaan cuaca yang melampau sering menjadi punca keselamatan di tempat kerja terjejas. Namun, apabila soalan yang diajukan diubah struktur frasanya, jawapan yang diberikan oleh responden turut menunjukkan perubahan. Perkara ini dapat dilihat daripada segi keadaan cuaca yang telah diambil kira dalam kajian ini. Rata-rata responden bersetuju bahawa keadaan cuaca melampau seperti panas akan menggugat keselamatan di tempat kerja, namun tidak bermakna para pekerja sendiri mengabaikan keselamatan mereka semasa keadaan cuaca yang melampau. Perkara ini harus dibezakan agar kita memahami bahawa pekerja sememangnya peka terhadap isu keselamatan mereka dan mempunyai kesedaran untuk menitikberatkan keselamatan dalam pekerjaan yang dilakukan oleh mereka. Namun, mereka tidak dapat mengawal perkara-perkara yang berada di luar kemampuan seperti keadaan cuaca yang melampau. Kemungkinan, untuk para responden yang bekerja di bahagian pengurusan dan tidak terlalu terlibat dengan kerja-kerja luar, faktor cuaca yang melampau tidak begitu menjejaskan keselamatan mereka. Namun begitu, bagi golongan pekerja yang bertugas di luar dan lebih terdedah kepada persekitaran, keselamatan mereka mungkin lebih tergugat dan terjejas apabila mengalami cuaca yang tidak diduga dan melampau.

Implikasi kepada Pekerja

Melalui dapatan ini, kesedaran yang sama harus dipupuk dalam diri para pekerja tanpa mengira lokasi atau bidang pekerjaan mereka walaupun kajian pada kali ini dijalankan di lokasi sukan. Kajian ini menunjukkan bahawa pekerja peka dengan polisi keselamatan di tempat kerja dan mereka tahu apa yang harus dilakukan apabila menghadapi kejadian yang tidak diingini. Hal ini bukan sahaja dapat membantu diri sendiri, malahan mampu menyelamatkan rakan sekerja mereka.

Implikasi kepada Majikan

Melalui dapatan ini, pihak pengurusan atau majikan di organisasi lain juga sentiasa memantau polisi keselamatan secara menyeluruh. Pihak pengurusan juga harus mengambil kira cadangan-cadangan yang dilontarkan oleh para pekerja bagi menambah baik sistem keselamatan sedia ada. Hal ini penting kerana sejajar dengan kemajuan dalam operasi sesebuah syarikat atau organisasi, tahap keselamatan harus dipertingkatkan dari masa ke semasa agar ia tetap berada pada tahap yang diingini.

KESIMPULAN

Pembentukan dan pelaksanaan polisi keselamatan merupakan salah satu langkah utama yang perlu di wujudkan di setiap organisasi. Bagi memantapkan lagi usaha keselamatan, amalan kempen keselamatan perlu dilaksanakan sebagai memberi kesedaran bahawa pihak organisasi memandang serius terhadap hal tersebut. Dari persektif pekerja, komunikasi efektif antara pihak atasan dengan golongan pekerja amat digalakkan. Ianya bukan sahaja dapat memberi peluang kepada setiap individu di sesebuah organisasi tersebut untuk bersuara, malahan ianya juga akan membolehkan sebarang masalah berkaitan keselamatan pekerja untuk diberi perhatian dengan segera dan ditangani dengan jayanya. Oleh yang demikian, setiap isu dan masalah yang telah dikenal pasti perlulah melibatkan setiap lapisan pekerja dari pengurusan tertinggi hingga ke pengurusan bawahan.

RUJUKAN

- Akta Kilang dan Jentera, 1967.
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, 1994.
- Andrea, H. Okun, Rebecca, J. Guerin & Paul, A. Schulte. (2016). Foundational workplace safety and health competencies for the emerging workforce. *Journal of Safety Research*, 59, 43–51.
- Christian, M. S., Bradley, J. C., Wallace, J. C., & Burke, M. J. (2009). Workplace safety: A meta-analysis of the roles of person and situation factors. *Journal of Applied Psychology*, 94 (5), 1103–1127.
- Clarke, S. (2006). The relationship between safety climate and safety performance: A meta-analytic review. *Journal of Occupational Health Psychology*, 11 (4), 315–327.
- Emile, T., Christina, K., Michael, F., Chris, ML., Sheilah, Hogg Johnson, Kim C., Ellen ME., Quenby Mahood & Emma, I. (2016). A systematic literature review of the effectiveness of occupational health and safety regulatory enforcement. *American Journal of Industrial Medicine*, 11 (59), 919–933.
- Fidèle, N., Lise, D., & Michel, P. (2015). Employer Responsibility for Occupational Health and Safety: Challenges, Issues and Approaches. *Journal of Management Policies and Practices*. 3 (1), 1–8.
- Flynn, G. (1994). Company strive for yawn-free safety awareness. *Personal Journal*, 73 (7).
- Harper, R. S., & Koehn, E. (1998). Managing industrial construction safety in Southeast Texas. *Journal of Construction Engineering and Management*, 124 (6), 452–457.
- Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. (2011) www.dosh.gov.my/index.php/ms/.
- Kourniotis, S.P., Kiranoudis, C.T. & Markatos, N.C. (2001). A systemic approach to effective chemical emergency management. *Safety Science*, 38 (1), 49–61.
- Matthew, R. H., & Ivo, F.Y.A. (2016). Exploring fundamental causes of safety challenges faced by Hispanic construction workers in the US using photovoice. *Safety Science*, 82, 199–211.
- Neal, A., & Griffin, M. A. (2006). A study of the lagged relationships among safety climate, safety motivation, safety behavior, and accidents at the individual and group levels. *Journal of Applied Psychology*, 91 (4), 946–953.
- Oannou, P., Bakirtzoglou & Panteleimon. (2016). The relationship between stadium factors on spectators' satisfaction in Greek Soccer Super League. *Journal of Human Sport and Exercise*, 11 (4), 437–443.
- Overheul, V. (2001). *20 years of safety*. WACO: Stevens Publishing Corp.
- Pierce, D. F. (1998). Does organizational streamlining hurt safety & health. *Professional Safety*, 43 (12), 36–40.

- R. Flin., K. Mearns, P. O'Connor & R. Bryden. (2000). Measuring safety climate: Identifying the common features. *Safety Science*, 34 (3), 177–192.
- Ramlan Zainal Abidin. (1997). Latihan Dalam Bidang Keselamatan dan Kesan Terhadap Kesedaran Keselamatan Di Tempat Kerja: Satu Kajian Di Kilang X (M) Sdn. Bhd. Projek Sarjana Pengurusan Teknologi: Universiti Teknologi Malaysia. Tidak Diterbitkan.
- S. J. Cox, & A. J. T. Cheyne. (2000). Assessing safety culture in offshore environments. *Safety Science*, 34 (3), 111–129.
- Zhang, Y., Flum, M., West, C., & Punnett, L. (2015). Assessing Organizational Readiness for a Participatory Occupational Health/Health Promotion Intervention in Skilled Nursing Facilities. *Health Promotion Practice*, 16 (5), 724–732.